



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 53  
No. 13

25hb Jun 2009

TAMBAHAN No. 58  
PERUNDANGAN (B)

---

P.U. (B) 201.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

KOD ETIKA HAKIM 2009

SUSUNAN PERENGGAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Perenggan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

KEWAJIPAN MEMATUHI KOD

4. Kewajipan mematuhi Kod

025130

## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

## KOD ETIKA HAKIM 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3B) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong atas syor Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi, dan selepas berunding dengan Perdana Menteri, menetapkan kod etika yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kod etika ini bolehlah dinamakan **Kod Etika Hakim 2009**.
- (2) Kod ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2009.

**Pemakaian**

2. (1) Kod ini bertujuan untuk menetapkan standard asas untuk mengawal tatakelakuan semua hakim dan menjadi bimbingan kepada hakim dalam membentuk dan memelihara budi pekerti dan tatakelakuan kehakiman yang tinggi.
- (2) Kod ini hendaklah terpakai bagi seseorang hakim sepanjang tempoh perkhidmatannya.

**Tafsiran**

3. Dalam Kod ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak lelaki atau anak perempuan hakim” termasuklah—

- (a) anak posthumus dan anak tiri yang ditanggung oleh hakim itu; dan
- (b) anak yang diambil sebagai anak angkat hakim itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan keterangan yang memuaskan mengenai pengangkatan itu;

“anggota keluarga hakim” termasuklah—

- (a) suami atau isteri hakim itu;
- (b) anak lelaki atau anak perempuan hakim itu;
- (c) menantu lelaki atau menantu perempuan hakim itu;
- (d) mana-mana orang yang tinggal serumah dengan hakim itu;

(e) pekerja hakim itu; atau

(f) anggota keluarga yang terdekat hakim itu;

“hakim” ertinya hakim Mahkamah Persekutuan, hakim Mahkamah Rayuan, hakim Mahkamah Tinggi dan termasuklah Pesuruhjaya Kehakiman;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Etika Hakim yang ditubuhkan di bawah Akta Jawatankuasa Etika Hakim 2009 [Akta      ].

## BAHAGIAN II

### KEWAJIPAN MEMATUHI KOD

#### **Kewajipan mematuhi Kod**

4. (1) Seseorang hakim hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan yang ditetapkan dalam Kod ini.

(2) Pelanggaran mana-mana peruntukan yang ditetapkan dalam Kod ini boleh menyebabkan seseorang hakim dikenakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan Kod ini.

## BAHAGIAN III

### TATAKELAKUAN

#### **Mendukung integriti dan kebebasan badan kehakiman**

5. Seseorang hakim hendaklah menjalankan fungsi kehakimannya dengan bebas berdasarkan penilaiannya tentang fakta dan mengikut pemahamannya tentang undang-undang, bebas daripada apa-apa pengaruh luar, dorongan, tekanan, ancaman atau gangguan, secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana pihak atau bagi apa-apa sebab.

#### **Mengelakkan ketidaksopanan dan gambaran ketidaksopanan dalam semua aktiviti kehakiman**

6. (1) Seseorang hakim hendaklah, pada setiap masa, berkelakuan mengikut cara yang menggalakkan integriti dan kesaksamaan badan kehakiman.

(2) Seseorang hakim tidak boleh—

(a) membenarkan apa-apa hubungan mempengaruhi kelakuan kehakiman atau penghakimannya;

(b) menggunakan prestij jawatan kehakimannya untuk memajukan kepentingan peribadinya atau orang lain; dan

(c) memberikan atau membenarkan orang lain memberikan gambaran kepada mana-mana orang bahawa mereka berada dalam kedudukan yang istimewa untuk mempengaruhinya.

**Melaksanakan tugas-tugas kehakiman dengan adil dan cekap**

7. (1) Tugas-tugas kehakiman seseorang hakim hendaklah diberi keutamaan mengatasi segala aktiviti yang lain.

(2) Seseorang hakim tidak boleh mengambil bahagian dalam penentuan kes yang dalamnya mana-mana anggota keluarga hakim itu mewakili seseorang litigan atau dikaitkan mengikut apa-apa cara dengan kes itu.

(3) Seseorang hakim hendaklah melaksanakan tugas-tugas kehakimannya tanpa bersikap berat sebelah atau berprasangka.

(4) Seseorang hakim hendaklah menyelesaikan segala tugas kehakimannya dengan adil, cekap, tekun dan cepat.

(5) Seseorang hakim hendaklah menjauhi dirinya daripada memberikan apa-apa komen umum tentang sesuatu prosiding yang belum selesai atau yang akan selesai yang mungkin didengar dalam mahkamah hakim itu mengikut apa-apa cara yang boleh membayangkan kepada seseorang yang munasabah keputusan yang bakal dibuat oleh hakim itu dalam mana-mana kes tertentu.

(6) Seseorang hakim tidak boleh mendedahkan atau menggunakan apa-apa maklumat bukan umum yang diperoleh atas sifat kehakimannya bagi apa-apa maksud yang tidak berhubungan dengan tugas-tugas kehakimannya.

(7) Seseorang hakim hendaklah berusaha dengan tekun dan cekap untuk mendengar dan membereskan kes-kes di dalam mahkamah dan hendaklah dengan segera menulis penghakimannya.

(8) Seseorang hakim tidak boleh berkelakuan mengikut cara yang tidak wajar sebagai seorang hakim atau yang boleh membawa atau dikira akan membawa nama buruk kepada jawatannya sebagai seorang hakim.

**Mengurangkan risiko percanggahan dengan tanggungjawab kehakiman hakim semasa menjalankan aktiviti luar kehakimannya**

8. (1) Seorang hakim hendaklah memastikan bahawa semua aktiviti luar kehakimannya tidak—

(a) menimbulkan keraguan yang munasabah tentang keupayaan untuk bertindak dengan saksama sebagai seorang hakim; atau

(b) mengganggu pelaksanaan sepatutnya tugas-tugas kehakimannya.

(2) Seseorang hakim hendaklah mengelakkan hubungan rapat dengan anggota profesion perundangan secara individu, khususnya mereka yang menjalankan amalan di dalam mahkamah hakim itu, jika hubungan sedemikian mungkin menimbulkan syak atau tanggapan pilih kasih yang munasabah.

(3) Seseorang hakim hendaklah menjauhi dirinya daripada apa-apa kelakuan sebagai anggota mana-mana kumpulan, persatuan atau organisasi atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan awam yang, dalam fikiran orang yang munasabah, boleh melemahkan keyakinan dalam kesaksamaan seorang hakim itu berkenaan dengan apa-apa isu yang belum selesai di hadapan mahkamah.

(4) Seseorang hakim tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti atau penglibatan politik dan hendaklah menjauhi dirinya daripada apa-apa kelakuan yang boleh menimbulkan suatu gambaran bahawa hakim itu terlibat dalam aktiviti politik.

(5) Tertakluk kepada pelaksanaan sepatutnya tugas-tugas kehakimannya, seseorang hakim, dengan kelulusan bertulis Ketua Hakim Negara, boleh—

- (a) menulis, memberi syarahan, mengajar dan mengambil bahagian dalam aktiviti yang berkenaan dengan undang-undang, sistem kehakiman, pentadbiran keadilan dan perkara-perkara yang berhubungan;
- (b) hadir dalam perbicaraan awam di hadapan suatu badan rasmi yang berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan undang-undang, sistem kehakiman dan pentadbiran keadilan dan perkara-perkara yang berhubungan;
- (c) berkhidmat sebagai anggota suatu badan rasmi yang bertumpu kepada pembaikan undang-undang, sistem kehakiman, pentadbiran keadilan dan perkara-perkara yang berhubungan atau sebagai anggota suatu badan yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia;
- (d) menulis atau berucap secara umum mengenai perkara-perkara bukan undang-undang dan terlibat dalam aktiviti sejarah, pendidikan, kebudayaan, keagamaan, sukan atau aktiviti sosial dan rekreasi, sekiranya aktiviti itu tidak menjejaskan maruah jawatan kehakiman atau selainnya tidak mengganggu pelaksanaan tugas-tugas kehakimannya mengikut Kod ini; dan
- (e) mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan dan khairat yang tidak memberikan gambaran buruk mengenai kesaksamaan seseorang hakim atau mengganggu pelaksanaan tugas-tugas kehakimannya.

(6) Seseorang hakim tidak boleh terlibat dalam kutipan wang khairat atau mendapatkan keanggotaan tabung khairat.

(7) Seseorang hakim tidak boleh berkelakuan dengan cara yang boleh membawa nama buruk kepada jawatannya sebagai seorang hakim.

(8) Seseorang hakim tidak boleh berkhidmat sebagai wasi, pentadbir, pemegang amanah, penjaga atau atas sifat fidusiari yang lain, kecuali bagi harta pusaka, amanah atau orang yang berkaitan dengan anggota keluarganya, jika perkhidmatan itu tidak mengganggu pelaksanaan sepatutnya tugas-tugas kehakimannya.

(9) Seseorang hakim hendaklah menjauhi dirinya daripada terlibat dalam apa-apa urusan kewangan atau perniagaan yang boleh mengganggu pelaksanaan sepatutnya tugas-tugas kehakimannya atau memberikan gambaran buruk mengenai kesaksamaannya.

(10) Seseorang hakim boleh menerima pampasan dan pembayaran balik perbelanjaan bagi aktiviti luar kehakimannya yang dibenarkan oleh Kod ini, sekiranya bayaran sedemikian tidak memberikan gambaran sebagai mempengaruhinya dalam pelaksanaan tugas-tugas kehakimannya atau selainnya memberikan gambaran kelakuan tidak wajar, dengan syarat bahawa pampasan dan pembayaran balik perbelanjaan itu tidak boleh melebihi amaun yang munasabah yang akan diterima oleh seseorang yang bukan hakim bagi aktiviti yang sama.

**Perisytiharan harta**

9. Seseorang hakim hendaklah, apabila dilantik atau pada bila-bila masa selepas itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Hakim Negara, mengisytiharkan secara bertulis semua asetnya kepada Ketua Hakim Negara.

**Pemberhentian mana-mana hubungan dengan firma**

10. (1) Seseorang hakim hendaklah, apabila dilantik, terhenti mempunyai apa-apa kaitan dengan firma tempat dia menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara sebelum pelantikannya.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), hakim itu hendaklah—

- (a) dengan segera menyerahkan semua kepentingan dalam firma itu;
- (b) memastikan bahawa dia tidak lagi berurusan dengan firma itu atau dengan mana-mana anggota firma itu; dan
- (c) memastikan bahawa namanya dikeluarkan daripada nama firma itu.

**Perintah atau arahan pentadbiran**

11. Seseorang hakim hendaklah mematuhi apa-apa perintah atau arahan pentadbiran yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi dari semasa ke semasa.

**BAHAGIAN IV****TATACARA PELANGGARAN KOD****Aduan terhadap hakim**

12. Apa-apa aduan terhadap seseorang hakim yang dikatakan telah melakukan pelanggaran mana-mana peruntukan Kod ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Hakim Negara.

**Ketua Hakim Negara hendaklah menentukan jenis pelanggaran Kod**

13. (1) Sekiranya suatu aduan diterima di bawah perenggan 12 dan Ketua Hakim Negara berpendapat bahawa aduan itu tidak mempunyai merit, Ketua Hakim Negara boleh menolak aduan itu selepas berunding dengan Presiden Mahkamah Rayuan jika hakim yang terhadapnya aduan itu dibuat ialah seorang hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya jika hakim yang terhadapnya aduan itu dibuat ialah seorang hakim Mahkamah Tinggi di Malaya dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak jika hakim yang terhadapnya aduan itu dibuat ialah seorang hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.

(2) Jika Ketua Hakim Negara berpendapat bahawa pelanggaran itu tidak mewajarkan hakim itu dirujukkan kepada tribunal yang dilantik di bawah Fasal (4) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan, Ketua Hakim Negara boleh merujukkan perkara itu kepada Jawatankuasa.

#### Tatacara tatatertib

14. (1) Jika telah ditentukan di bawah perenggan 13 supaya seseorang hakim itu dirujukkan kepada Jawatankuasa, Jawatankuasa hendaklah—

- (a) memaklumkan hakim itu secara bertulis mengenai fakta pelanggaran Kod ini yang dikatakan; dan
- (b) memberi hakim itu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dia dimaklumkan mengenai pelanggaran yang dikatakan itu.

(2) Jika, setelah menimbang representasi hakim itu, jika ada, Jawatankuasa mendapati bahawa—

- (a) tiada merit dalam aduan itu, Jawatankuasa hendaklah menolak aduan itu dan memaklumkan pengadu dan hakim itu tentang keputusannya; atau
- (b) terdapat merit dalam aduan itu, memanggil hakim itu hadir sendiri di hadapan Jawatankuasa untuk didengar oleh Jawatankuasa, jika dia menghendakinya.

(3) Jika, setelah menimbang dengan sewajarnya representasi yang dibuat oleh hakim itu yang hadir di hadapan Jawatankuasa menurut subperenggan (2)(b), Jawatankuasa berpuas hati bahawa—

- (a) pelanggaran itu dibuktikan, Jawatankuasa boleh mengenakan ke atas hakim itu mana-mana satu sanksi yang dinyatakan dalam perenggan 16 sebagaimana yang difikirkannya sesuai; atau
- (b) pelanggaran itu tidak dibuktikan, Jawatankuasa hendaklah menolak aduan itu.

(4) Jika—

- (a) hakim itu tidak membuat apa-apa representasi dalam masa yang ditentukan dalam subperenggan (1)(b) atau dalam apa-apa masa lanjutan yang dibenarkan oleh Jawatankuasa;
- (b) hakim itu telah membuat representasi itu tetapi representasi itu tidak memuaskan hati Jawatankuasa; atau
- (c) hakim itu tidak hadir di hadapan Jawatankuasa menurut subperenggan (2)(b),

Jawatankuasa hendaklah terus menimbang dan memutuskan sanksi yang akan dikenakan terhadap hakim itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 16.

**Hak untuk diwakili**

15. Seseorang hakim yang menjadi subjek suatu prosiding tatatertib di bawah Kod ini berhak untuk diwakili oleh peguam bela dan peguam cara jika dia berkehendakkan sedemikian.

**BAHAGIAN V****SANKSI****Jenis sanksi**

16. Jika Jawatankuasa berpuas hati bahawa aduan itu telah dibuktikan, Jawatankuasa boleh mengenakan mana-mana satu sanksi yang berikut:

- (a) merekodkan teguran terhadap hakim itu; atau
- (b) menggantung hakim itu daripada jawatannya bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi satu tahun.

**BAHAGIAN VI****PELBAGAI****Penyampaian notis, dokumen, dsb.**

17. Apa-apa notis, dokumen atau komunikasi yang ditinggalkan di atau diposkan ke atau dihantar dengan apa-apa cara lain yang munasabah ke alamat terakhir diketahui hakim itu hendaklah disifatkan telah disampaikan atau diberitahu dengan sewajarnya kepada hakim itu.

**Tandatangan pada surat dan surat-menyurat lain**

18. Apa-apa surat-menyurat antara Jawatankuasa dengan hakim di bawah Kod ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengerusi.

**Pembatalan**

19. Kod Etika Hakim 1994 [*P.U. (B) 600/1994*] dibatalkan.

Dibuat 24 Jun 2009  
[PMT/UU/44-4(R); PN(PU<sup>3</sup>)171D]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN  
*Setiausaha Jemaah Menteri*



FEDERAL CONSTITUTION

JUDGES' CODE OF ETHICS 2009

ARRANGEMENT OF PARAGRAPHS

PART I

PRELIMINARY

Paragraph

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

DUTY TO COMPLY WITH CODE

4. Duty to comply with Code

PART III

CODE OF CONDUCT

5. Upholding the integrity and independence of the judiciary
6. Avoiding impropriety and the appearance of impropriety in all judicial activities
7. Performing judicial duties fairly and efficiently
8. Minimizing the risk of conflict with the judge's judicial obligations while conducting his extra-judicial activities
9. Declaration of assets
10. Cessation of any connection with the firm
11. Administrative order or direction

## PART IV

## PROCEDURE ON BREACH OF CODE

## Paragraph

12. Complaint against judge
13. Chief Justice to determine nature of breach of this Code
14. Disciplinary procedure
15. Right to be represented

## PART V

## SANCTION

16. Types of sanction

## PART VI

## MISCELLANEOUS

17. Service of notice, document, *etc.*
18. Signatures on letters and other correspondence
19. Revocation

## FEDERAL CONSTITUTION

## JUDGES' CODE OF ETHICS 2009

IN exercise of the powers conferred by Clause (3B) of Article 125 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong on the recommendation of the Chief Justice, the President of the Court of Appeal and the Chief Judges of the High Courts, and after consulting the Prime Minister, prescribes the following code of ethics:

## PART I

## PRELIMINARY

**Citation and commencement**

1. (1) This code of ethics may be cited as the **Judges' Code of Ethics 2009**.
- (2) This Code comes into operation on 1 July 2009.

**Application**

2. (1) This Code is intended to state the basic standards to govern the conduct of all judges and to provide guidance to judges in setting and maintaining high standards of personal and judicial conduct.
- (2) This Code shall apply to a judge throughout the period of his service.

**Interpretation**

3. In this Code, unless the context otherwise requires—

“son or daughter of a judge” includes—

- (a) a posthumous child and a dependent step-child of the judge; and
- (b) a child adopted by the judge under any written law relating to adoption or under any custom or usage, upon satisfactory evidence of that adoption;

“a member of the judge's family” includes—

- (a) the spouse of the judge;
- (b) a son or daughter of the judge;
- (c) a son-in-law or daughter-in-law of the judge;
- (d) any person who lives in the judge's household;
- (e) an employee of the judge; or
- (f) a close relative of the judge;

“judge” means a judge of the Federal Court, the Court of Appeal, the High Court and includes a Judicial Commissioner;

“Committee” means the Judges’ Ethics Committee established under the Judges’ Ethics Committee Act 2009 [Act ].

## PART II

### DUTY TO COMPLY WITH CODE

#### **Duty to comply with this Code**

4. (1) A judge shall comply with the provisions prescribed in this Code.

(2) The breach of any provision prescribed in this Code shall render a judge liable to disciplinary proceedings in accordance with the provisions of this Code.

## PART III

### CODE OF CONDUCT

#### **Upholding the integrity and independence of the judiciary**

5. A judge shall exercise his judicial function independently on the basis of his assessment of the facts and in accordance with his understanding of the law, free from any extraneous influence, inducement, pressure, threat or interference, direct or indirect from any quarter or for any reason.

#### **Avoiding impropriety and the appearance of impropriety in all judicial activities**

6. (1) A judge shall act at all times in a manner that promotes integrity and impartiality of the judiciary.

(2) A judge shall not—

- (a) allow any relationship to influence his judicial conduct or judgment;
- (b) lend the prestige of his judicial office to advance his or others’ private interest; and
- (c) convey or permit others to convey the impression to any person that they are in a special position to influence him.

#### **Performing judicial duties fairly and efficiently**

7. (1) The judicial duties of a judge shall take precedence over all his other activities.

(2) A judge shall not participate in the determination of a case in which any member of the judge's family represents a litigant or is associated in any manner with the case.

(3) A judge shall perform his judicial duties without bias or prejudice.

(4) A judge shall dispose of all his judicial duties fairly, efficiently, diligently and promptly.

(5) A judge shall refrain from giving any public comment about a pending or impending proceedings which may be heard before the judge's court in a manner which may suggest to a reasonable person the judge's probable decision in any particular case.

(6) A judge shall not disclose or use any non-public information acquired in his judicial capacity for any purpose unrelated to his judicial duties.

(7) A judge shall endeavour to diligently and efficiently hear and complete the cases in his court and promptly write his judgments.

(8) A judge shall not conduct himself in a manner which is not befitting of a judge or which brings or is calculated to bring disrepute to his office as a judge.

**Minimizing the risk of conflict with the judge's judicial obligations while conducting his extra-judicial activities**

8. (1) A judge shall ensure that his extra-judicial activities do not—

(a) cast reasonable doubt on his capacity to act impartially as a judge;  
or

(b) interfere with the proper performance of his judicial duties.

(2) A judge shall avoid close association with individual members of the legal profession, particularly those who practise in the judge's court, where such association might give rise to a reasonable suspicion or appearance of favouritism.

(3) A judge shall refrain from any conduct as a member of any group, association or organization or participate in any public discussion which, in the mind of a reasonable person, may undermine confidence in the judge's impartiality with respect to any issue pending before the court.

(4) A judge shall not participate in any political activities or involvement and shall refrain from any conduct which may give rise to an appearance that the judge is engaged in political activity.

(5) Subject to proper performance of his judicial duties, a judge, with the written approval of the Chief Justice, may—

(a) write, give lecture, teach and participate in activities concerning the law, the judicial system, the administration of justice and related matters;

- (b) appear at a public hearing before an official body concerned with matters relating to the law, the judicial system and the administration of justice and related matters;
- (c) serve as a member of an official body devoted to the improvement of the law, the judicial system, the administration of justice and related matters or as a member of a body approved by the Government of Malaysia;
- (d) write or speak publicly on non-legal subjects and engage in historical, education, cultural, religious, sporting or social and recreational activities, if such activities are not detrimental to the dignity of the judicial office or do not otherwise interfere with the performance of his judicial duties in accordance with this Code; and
- (e) participate in civic and charitable activities that do not reflect adversely on the judge's impartiality or interference with the performance of his judicial duties.

(6) A judge shall not be involved in charitable fund raising or membership solicitation.

(7) A judge shall not act in a manner which brings disrepute to his office as a judge.

(8) A judge shall not serve as the executor, administrator, trustee, guardian or in other fiduciary capacity, except for the estate, trust or person connected with a member of his family, if such service does not interfere with the proper performance of his judicial duties.

(9) A judge shall refrain from being engaged in any financial or business dealing which may interfere with the proper performance of his judicial duties or reflect adversely on his impartiality.

(10) A judge may receive compensation and reimbursement of expenses for his extra-judicial activities permitted by this Code, if such payments do not give the appearance of influencing him in the performance of his judicial duties or otherwise give an appearance of impropriety, provided that such compensation and reimbursement shall not exceed a reasonable amount that a person who is not a judge would receive for the same activities.

#### **Declaration of assets**

9. A judge shall, on his appointment or at any time thereafter as may be required by the Chief Justice of the Federal Court, declare in writing all his assets to the Chief Justice of the Federal Court.

#### **Cessation of any connection with the firm**

10. (1) A judge shall, on his appointment, cease to have any connection with the firm where he was practising as an advocate and solicitor prior to his appointment.

- (2) For the purpose of subparagraph (1), the judge shall—
- (a) immediately relinquish all interest in the firm;
  - (b) ensure that he has no dealing with the firm or any member of the firm; and
  - (c) ensure that his name is removed from the firm's name.

#### **Administrative order or direction**

11. A judge shall comply with any administrative order or direction issued by the Chief Justice of the Federal Court, the President of the Court of Appeal and the Chief Judges of the High Courts from time to time.

### **PART IV**

#### **PROCEDURE ON BREACH OF CODE**

#### **Complaint against judge**

12. Any complaint against a judge who is alleged to have committed a breach of any provision of this Code shall be made in writing to the Chief Justice of the Federal Court.

#### **Chief Justice to determine nature of breach of this Code**

13. (1) Where a complaint is received under paragraph 12 and the Chief Justice is of the opinion that the complaint has no merit, he may dismiss it after consulting the President of the Court of Appeal if the judge complained of is a judge of the Court of Appeal, the Chief Judge of the High Court in Malaya if the judge complained of is a judge of the High Court in Malaya and the Chief Judge of the High Court in Sabah and Sarawak if the judge complained of is a judge of the High Court in Sabah and Sarawak.

(2) If the Chief Justice is of the opinion that the breach does not warrant the judge be referred to a tribunal appointed under Clause (4) of Article 125 of the Federal Constitution, the Chief Justice may refer the matter to the Committee.

#### **Disciplinary procedure**

14. (1) If it is determined under paragraph 13 that a judge be referred to the Committee, the Committee shall—
- (a) inform the judge in writing of the facts of the alleged breach of this Code; and
  - (b) give the judge an opportunity to make a written representation within a period of thirty days from the date he is informed of the alleged breach.

(2) If, after considering the judge's representation, if any, the Committee finds that—

- (a) there is no merit in the complaint, the Committee shall dismiss the complaint and notify the complainant and the judge of its decision; or
- (b) there is merit in the complaint, invite the judge to appear before the Committee to be heard if he so desires.

(3) If, after due consideration of the representation made by the judge who appears before the Committee pursuant to subparagraph (2)(b), the Committee is satisfied that—

- (a) the breach is proven, the Committee may impose on the judge any one of the sanctions specified in paragraph 16 as it deems appropriate; or
- (b) the breach is not proven, the Committee shall dismiss the complaint.

(4) If—

- (a) the judge does not make any representation within the time specified in subparagraph (1)(b) or within such extended time as may be allowed by the Committee;
- (b) the judge made such representation but the representation is not satisfactory to the Committee; or
- (c) the judge does not appear before the Committee pursuant to subparagraph (2)(b),

the Committee shall then proceed to consider and decide on the sanction to be imposed on the judge as specified in paragraph 16.

#### **Right to be represented**

15. A judge who is the subject of a disciplinary proceedings under this Code is entitled to be represented by an advocate and solicitor if he so desires.

### **PART V**

#### **SANCTION**

##### **Types of sanction**

16. If the Committee is satisfied that the complaint is proven, the Committee may impose any one of the following sanctions:

- (a) the recording of an admonition to the judge; or
- (b) the suspension of the judge from his office for such period not exceeding one year.



PART VI

MISCELLANEOUS

**Service of notice, document, etc.**

17. Any notice, document or communication left at or posted to or sent by any other reasonable means to the last-known address of the judge shall be deemed to have been duly served or communicated to the judge.

**Signatures on letters and other correspondence**

18. Any correspondence between the Committee and the judge under this Code shall be signed by the Chairman of the Committee or any person authorized by him.

**Revocation**

19. The Judges' Code of Ethics 1994 [*P.U. (B) 600/1994*] is revoked.

Made 24 June 2009  
[PMT/UU/44-4(R); PN(PU<sup>3</sup>)171b]

By Command

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN  
*Secretary to the Cabinet*

**P.U. (B) 202.**

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENJALANAN PILIHAN RAYA) 1981

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA YANG DIPERTANDINGKAN DAN PENYATA  
PENGUNDIAN SELEPAS PENJUMLAHAN RASMI UNDI

**PULAU PINANG**

MENGIKUT peraturan 27 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 [*P.U. (A) 386/1981*], Mansor bin Othman telah dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan bagi Negeri Pulau Pinang bagi Bahagian Pilihan Raya N. 12 Penanti berikutan dengan pengundian yang berlangsung pada 31 Mei 2009.

2. Penyata Pengundian Selepas Penjumlahan Rasmi Undi ditunjukkan dalam Jadual.

## ELECTIONS ACT 1958

## ELECTIONS (CONDUCT OF ELECTIONS) REGULATIONS 1981

RESULT OF CONTESTED ELECTION AND STATEMENT OF THE POLL  
AFTER THE OFFICIAL ADDITION OF VOTES

## PENANG

IN ACCORDANCE WITH regulation 27 of the Elections (Conduct of Elections) Regulations 1981 [P.U. (A) 386/1981], Mansor bin Othman has been elected as a Member of the Legislative Assembly of the State of Penang for the Constituency of N. 12 Penanti as a result of the polls taken on 31 May 2009.

2. The Statement of the Poll After the Official Addition of Votes is shown in the Schedule.

## JADUAL/SCHEDULE

## PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENJALANAN PILIHAN RAYA 1981)

## ELECTIONS (CONDUCT OF ELECTIONS) REGULATIONS 1981

## BORANG/FORM 16

[Peraturan/Regulation 27]

## PENYATA PENGUNDIAN SELEPAS PENJUMLAHAN RASMI UNDI

## STATEMENT OF THE POLL AFTER THE OFFICIAL ADDITION OF VOTES

## Bahagian Pilihan Raya/Constituency of N. 12 PENANTI

A—Jumlah pemilih <i>Total number of electorate</i>	15,384
-------------------------------------------------------	--------

B—Bilangan undi dibuang bagi: <i>Number of votes cast for:</i>	
-------------------------------------------------------------------	--

<i>Nama calon</i> <i>Name of candidate</i>	<i>Bilangan</i> <i>Number</i>
-----------------------------------------------	----------------------------------

*(Nama penuh calon dan nama yang dicetak pada kertas undi)*

*(The candidate's full name and the name printed on the ballot paper)*

1. Mansor bin Othman (Mansor bin Othman)	6,052
2. Aminah binti Abdullah (Kak Min)	392

3. Nai Khan Ari a/l Nai Keow (Nai Khan Ari)	494
4. Kamarul Ramizu bin Idris (Paduka Ramizu)	56
	<hr/>
Jumlah undi dibuang/ <i>Total number of votes cast</i>	6,994
	<hr/>
C—Bilangan kertas undi ditolak <i>Number of rejected ballot papers</i>	107
D—Jumlah kertas undi di dalam peti undi (B+C) <i>Total number of ballot papers in the ballot boxes (B+C)</i>	7,101
E—Jumlah kertas undi yang dikeluarkan dalam pengundian (termasuk kertas undi pos yang dikeluarkan kepada pungundi dan kertas undi ditolak tetapi tidak termasuk kertas undi rosak) <i>Total number of ballot papers issued at the poll (including postal ballot papers issued to voters and rejected ballot papers but excluding spoilt ballot papers)</i>	7,102
F—Bilangan kertas undi yang dikeluarkan tetapi tidak dikembalikan (termasuk kertas undi pos) <i>Number of ballot papers issued but not returned (including postal ballot papers)</i>	1
G—Peratus pengundian (E/A x 100) <i>Percentage of voting (E/A x 100)</i>	46.16%
H—Majoriti <i>Majority</i>	5,558

Saya memperakui bahawa penyata di atas adalah betul.  
*I certify that the above statement is correct.*

Bertarikh 31 Mei 2009  
*Dated 31 May 2009*

ROSLAN BIN YAHAYA  
*Pegawai Pengurus/Returning Officer*

Bertarikh 2 Jun 2009  
*Dated 2 June 2009*  
[SPR(S)559; PN(PU<sup>2</sup>)178c/LXVIII]

DATO' NGAH SENIK  
*Setiausaha/Secretary*  
*Suruhanjaya Pilihan Raya/Election Commission*  
*Malaysia*

**P.U. (B) 203.**

## ORDINAN HARI KELEPASAN MINGGUAN SARAWAK

## PELANTIKAN INSPEKTOR

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(3) Ordinan Hari Kelepasan Mingguan [*Sarawak Bab 79*], Menteri melantik Encik Gani anak Nyabong sebagai Inspektor mulai 16 Mac 2009 bagi maksud Ordinan dalam had tempatan, kawasan dan tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Ordinan.

## WEEKLY HOLIDAYS ORDINANCE SARAWAK

## APPOINTMENT OF INSPECTOR

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(3) of the Weekly Holidays Ordinance [*Sarawak Cap. 79*], the Minister appoints Encik Gani anak Nyabong as an Inspector with effect from 16 March 2009 for the purposes of the Ordinance within the local limits, area and locality as specified in the First Schedule to the Ordinance.

Bertarikh 8 Jun 2009

*Dated 8 June 2009*

[KSM/PUU/T/05/11/02; PN(PU<sup>2</sup>) 312/II]

DATUK DR. S. SUBRAMANIAM  
*Menteri Sumber Manusia/  
Minister of Human Resources*

**P.U. (B) 204.**

## AKTA NOTARI AWAM 1959

## PELANTIKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(1)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Notari Awam 1959 [*Akta 115*], Peguam Negara telah melantik peguam bela dan peguam cara yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual sebagai notari awam untuk menjalankan amalan di tempat yang dinyatakan dalam ruang (2) bagi tempoh dua tahun mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

## NOTARIES PUBLIC ACT 1959

## APPOINTMENT UNDER SUBSECTION 3(1)

IN exercise of the powers conferred by subsection 3(1) of the Notaries Public Act 1959 [*Act 115*], the Attorney General has appointed the advocates and solicitors named in column (1) of the Schedule to be notaries public to practise at the places specified in column (2) for a period of two years with effect from the dates specified in column (3).

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Y.M. Puan Raja Maizura binti Raja Ariff	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ <i>Federal Territory of Kuala Lumpur</i>	2.3.2009
Encik Dominic Lai Yew Hock	Miri, Sarawak	27.3.2009
Encik Abdul Jalil bin Mohamed	Johor Bahru, Johor	1.4.2009
Puan Siti Hawa binti Saat	Wilayah Persekutuan Labuan/ <i>Federal Territory of Labuan</i>	29.4.2009
Encik George Pathmanathan	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ <i>Federal Territory of Kuala Lumpur</i>	14.5.2009
Encik Eric C. S. Khoo	Miri, Sarawak	15.5.2009
Encik Tan Seok Kett	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ <i>Federal Territory of Kuala Lumpur</i>	16.5.2009
Encik Robert Ayu	Miri, Sarawak	24.5.2009
Dato' Syed Azman bin Syed Mohamed	Ipoh, Perak	25.5.2009
Encik Ch'ng Siew Pui	Wilayah Persekutuan Labuan/ <i>Federal Territory of Labuan</i>	29.5.2009
YM Tunku Farik bin Tunku Ismail	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ <i>Federal Territory of Kuala Lumpur</i>	18.6.2009
Dato' Yong Yet Ching	Petaling Jaya, Selangor	25.6.2009
Encik Chin Yoong Chong	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ <i>Federal Territory of Kuala Lumpur</i>	26.6.2009
Encik Santhrasegaran a/l Kanagasabai	Klang, Selangor	26.6.2009
Dr. Wong Kim Fatt	Johor Bahru, Johor	26.6.2009
Datuk Lawrence Thien Shin Hing	Kota Kinabalu, Sabah	27.6.2009
Encik Reginald Balasingam Vallipuram	Johor Bahru, Johor	27.6.2009
Dato' Mohd. Adnan bin Datuk Shuaib	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ <i>Federal Territory of Kuala Lumpur</i>	27.6.2009

---

(1)	(2)	(3)
Encik Robin Hii Chung Siong	Sibu, Sarawak	27.6.2009
Tan Sri Thomas Jayasuria	Kota Kinabalu, Sabah	13.7.2009
Dr. Jaswant Singh	Ipoh, Perak	15.7.2009
Encik Yang Tek Yeh	Seremban, Negeri Sembilan	28.7.2009

[PN/WKL/HQ/223/54 Jilid 7; PN(PU<sup>2</sup>)359/VI]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA